

## **Program Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami Bantu Ibu Tunggal dan Miskin**

Pekan, 29 Oktober – Dalam usaha membantu golongan ibu tunggal dan keluarga miskin, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan Program Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami di Perumahan Bersepadu Bukit Kenau.

Program anjuran Pusat Keusahawan UMP ini dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Pulau Manis, Dato' Khairuddin Mahmud bertempat di Dewan Perumahan Bersepadu Bukit Kenau Pekan membabitkan seramai 11 penerima di kampung berkenaan.

Dalam ucapan perasmianya beliau merakamkan jutaan terima kasih di atas usahasama pihak UMP menerusi Pusat Keusahawan UMP dengan kerjasama Kelab Enactus dalam memajukan ekonomi penduduk di kampung ini.



Katanya, projek ini dilaksanakan sebagai projek tanaman di persekitaran rumah dan diharapkan projek penanaman serai wangi di kampung ini akan memberikan impak yang besar kepada penduduk mahupun pihak UMP.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Prof. Dr. Zulkefli Yaakob, program ini merupakan titik permulaan bagi melahirkan usahawan di kalangan pelajar UMP yang dapat manfaat dari program ini agar dapat dikongsi bersama.

"Program ini merupakan salah satu usaha Pusat Keusahawanan UMP dengan kerjasama Kelab Enactus yang akan bertindak sebagai pembimbing untuk golongan sasar iaitu ibu-ibu tunggal dan orang-orang miskin di kawasan ini bagi aktiviti menanam pokok serai wangi di sekitar kawasan rumah mereka bagi menghasilkan pewangi dan bahan kraftangan jerami," katanya.

Tambah beliau, program ini dijalankan selama tiga bulan ini bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi mereka di samping mempromosikan hasil kraftangan yang dihasilkan. Selain itu, dalam program ini ahli kelab Enactus UMP diharapkan dapat membantu masyarakat Bukit Kenau ini agar dapat melahirkan usahawan dengan menyumbangkan ilmu dan pengetahuan keusahawanan yang telah mereka pelajari dalam universiti.



Benih serai wangi yang disumbangkan ini akan menjadi titik permulaan kepada keusahawanan sosial kerana Pusat Keusahawanan bercadang untuk memperbesarkan lagi projek ini kerana penggunaan ekstrak serai wangi ini mendapat permintaan yang tinggi di dalam penggunaan racun serangga perosak dan sebagai pewangi.

Susulan program ini Pusat Keusahawanan akan cuba untuk menjadikan kraftangan jerami ini sebagai salah satu cenderahati jabatan dalam usaha memberi sokongan terhadap program ini. Program ini juga bukan sahaja dapat membantu meningkatkan ekonomi penduduk malah juga turut menjalankan hubungan kerjasama antara Perumahan Bersepadu Bukit Kenau. Diharapkan agar kerjasama ini akan berterusan demi pembangunan keusahawanan setempat, katanya.

Salah seorang peserta Kamsiah Ismail, 45, berkata beliau amat berterima kasih kepada UMP dalam melaksanakan program ini yang diharapkan dapat meningkatkan pendapatan kami sekeluarga selain cuba buat sebaik mungkin agar dapat dilaksanakan dengan jayanya.

**Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 03-11-2015, 08:06:05